



Resorts World Genting Membawa Kemeriahan Musim Perayaan dengan Sambutan Pengiraan Detik Krismas & Tahun Baru

Genting Highlands, 12 Disember 2025 – Resorts World Genting (RWG) mengalu-alukan pengunjung untuk merasai kemeriahan musim perayaan dengan dua malam pengiraan detik yang memukau pada 24 dan 31 Disember di Arena of Stars. Kedua-dua malam ini bakal menampilkan muzik secara langsung, persembahan tarian dan DJ yang bertenaga tinggi. Siaran langsung juga disediakan di Madison Square, membolehkan pengunjung menyaksikan tontonan di kawasan terbuka dengan penuh meriah.

Malam Krismas akan dikendalikan oleh *emcee* Khye yang terkenal dengan gaya pentasnya yang meriah dan ceria. Malam itu akan menampilkan tiga persembahan dari penyanyi Malaysia yang popular dan berkarisma, iaitu Vanessa Reynauld, Ronnie Jupiter, dan Angela Ong. Sambutan akan diteruskan dengan persembahan tarian, DJ dan penghibur-penghibur lain dan akan kembali kepada trio ini untuk persembahan utama serta medley Krismas sebelum pengiraan detik bersama DJ Blink. Pentas akan dilengkapi bunga api, laser dan grafik 3D, mengukir detik Krismas yang istimewa dalam ingatan semua.

Malam Tahun Baru akan dihoskan oleh *emcee* Dr Shaun Stephen, yang terkenal dengan gaya pengacaraannya yang bertenaga dan kebolehannya menarik perhatian penonton yang ramai. Acara malam berkenaan menampilkan penampilan istimewa oleh ManHanD, sebuah kumpulan Canto-rap tempatan yang terkenal dengan lirik kreatif dan gaya tersendiri, bersama J Justin Lan, KAIA Lee dan Tan Yin Ern yang mempersembahkan gabungan vokal bertenaga di atas pentas. Acara akan mencapai kemuncaknya dengan persembahan utama oleh DJ Wukong dari Singapura, yang terkenal dengan gaya festival bertenaga dan persembahan tenaga yang mengekalkan semangat penonton hingga detik akhir tahun, diikuti acara selepas tengah malam.

Kedua-dua acara kiraan detik menawarkan tiket percuma dengan tempat duduk disediakan. Tiket boleh ditebus melalui kempen PMP atau diambil pada hari acara di kaunter penebusan berdasarkan prinsip siapa cepat, dia dapat. Sekiranya kapasiti tempat duduk penuh, para pengunjung masih boleh menikmati acara melalui siaran langsung di Madison Square. Kemasukan terakhir adalah pada pukul 11 malam.

RWG memeriahkan musim perayaan dengan pelbagai pengalaman santapan dan pesta meriah di seluruh resort. Coffee Terrace menawarkan bufet Krismas dan Tahun Baru pada 24 dan 31 Disember, menampilkan hidangan klasik Krismas, sajian antarabangsa dan pilihan perayaan pada harga mesra keluarga. RM128 untuk dewasa dan RM78 untuk kanak-kanak, dengan diskaun RM10 bagi tempahan melalui i-Holidays. Bufet makan tengah hari turut tersedia pada 25 Disember dan 1 Januari, berharga RM108 untuk dewasa dan RM68 untuk kanak-kanak. Bagi mereka yang ingin menyerikan malam mereka, Park Avenue Restaurant mempersembahkan menu perayaan yang indah dan tersusun rapi, menampilkan makan malam 4 hidangan (RM250 seorang) pada Malam Krismas dan Hari Krismas, serta menu 3 hidangan (RM250 seorang) untuk Malam Tahun Baru. Trattoria Il Lago turut menyertai kemeriahan dengan menu set Krismas dan Tahun Baru berharga RM118 setiap set, sesuai sebagai santapan hangat sebelum pengunjung menuju ke acara pengiraan detik Tahun Baru.

RWG mengalu-alukan pengunjung untuk menyertai sambutan perayaan ini dan menikmati dua malam penuh muzik, keseronokan serta keceriaan musim perayaan di atas puncak awan.

Untuk maklumat lanjut mengenai acara kami, sila layari rwgenting.com atau ikuti platform media rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat terkemuka di peringkat global dalam sektor perkhidmatan rekreasi dan hospitaliti. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan rangkaian hartanah resort ikonik, termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World New York City, serta Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley (kedua-duanya dimiliki sebanyak 49% melalui syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat, Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih 30 kasino di United Kingdom, serta Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia turut memiliki dan mengendalikan dua resort tepi laut yang terkemuka di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, Resorts World Genting (RWG) adalah resort bersepadu utama di Malaysia yang terletak di puncak bukit. Resort ini menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan hiburan lengkap, termasuk 10,500 bilik di tujuh hotel eksklusif, permainan kasino, taman tema, tarikan hiburan, kedai makan dan runcit, serta pertunjukan bertaraf antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Dikelilingi oleh kehijauan semula jadi di kawasan bukit pertengahan, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan landskap semula jadi yang mempesona, padang golf pergunungan, laluan kembara hutan yang mencabar, serta berdekatan dengan pelbagai tarikan utama. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usaha sama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) menambah nilai kepada pelbagai tawaran di RWG, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi utama rekreasi dan hiburan di rantau ini. Sebagai tempat kelahiran Kumpulan Genting, RWG akan menganjurkan pelbagai acara dan aktiviti promosi menarik untuk menyambut ulang tahun ke-60 Jubli Intan Kumpulan Genting, menawarkan pengalaman yang tidak dapat dilupakan kepada setiap pengunjung.

Genting Malaysia adalah sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu syarikat multinasional terkemuka dan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan visionari yang telah berjaya menjadikan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor rekreasi dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas, dan United Kingdom. Selain itu, Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang signifikan dalam pelbagai sektor global, termasuk ladang minyak sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran, serta bioteknologi.